



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 9

26hb April 2001

*TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 13.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANAH PERKUBURAN ISLAM (PERBADANAN PUTRAJAYA) 2001

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
Undang
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

TANAH PERKUBURAN

3. Pengkebumian tanpa kebenaran dilarang
4. Penggunaan tanah perkuburan
5. Masa untuk pengkebumian

Undang-
Undang
kecil

6. Pengkebumian mayat
7. Struktur
8. Daftar

BAHAGIAN III

PELBAGAI

9. Kuasa melantik penggali-penggali kubur, dsb.
10. Pembawaan mayat-mayat ke tanah perkuburan
11. Fi
12. Penalti

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANAH PERKUBURAN ISLAM
(PERBADANAN PUTRAJAYA) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 98 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Perbadanan Putrajaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Perbadanan Putrajaya) 2001**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah hanya terpakai bagi Kawasan Perbadanan Putrajaya.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“hiasan” ertinya pokok renek, jambangan bunga atau bunga yang ditanam, digantung, ditabur atau diletakkan di atas tanah perkuburan;

“Kawasan Perbadanan Putrajaya” ertinya kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 10 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“pegawai diberikuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan;

“Pegawai Kesihatan” ertinya Pegawai Kesihatan Putrajaya dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Kesihatan;

“pengkebumian” ertinya pengkebumian mayat orang Islam;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995;

“struktur” ertinya apa-apa bahan yang digunakan untuk mengepung tanah kubur;

“tanah perkuburan” ertinya tanah perkuburan yang disediakan bagi orang Islam di Kawasan Perbadanan Putrajaya menurut subseksyen 94(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

BAHAGIAN II

TANAH PERKUBURAN

Pengkebumian tanpa kebenaran dilarang

3. (1) Tiada seorang pun dibenarkan mengkebumi mayat tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Perbadanan.

(2) Permohonan untuk kelulusan bertulis tersebut hendaklah dibuat dalam borang yang diperuntukkan oleh Perbadanan oleh—

- (a) waris kadim;
- (b) seorang yang diberi kuasa untuk membuat permohonan itu secara bertulis oleh waris kadim;
- (c) wakil peribadi yang sah di sisi undang-undang;
- (d) mana-mana keluarga yang rapat dengan simati;
- (e) mana-mana orang yang memperolehi permit dari polis atau pihak berkuasa hospital.

Penggunaan tanah perkuburan

4. (1) Tanah perkuburan ini hendaklah hanya digunakan bagi maksud pengkebumian dan hendaklah dibahagikan kepada petak-petak untuk kubur-kubur.

(2) Petak-petak tersebut hendaklah dinomborkan secara berturut-turut dan ditandakan di atas suatu pelan yang hendaklah disimpan di pejabat Perbadanan.

(3) Kubur untuk orang dewasa dan kanak-kanak hendaklah diasingkan.

(4) Sebarang penempatan atau pemilihan petak-petak untuk pengkebumian adalah tidak dibenarkan.

(5) Saiz bagi petak kubur untuk orang dewasa hendaklah berukuran 2.75 meter panjang dan 1.5 meter lebar dan saiz petak kubur untuk kanak-kanak hendaklah berukuran 2.00 meter panjang dan 1.2 meter lebar.

(6) Semua kubur hendaklah digali sedalam tidak kurang dari 1.8 meter daripada aras permukaan tanah.

Masa untuk pengkebumian

5. (1) Tanah perkuburan boleh digunakan bagi tujuan pengkebumian pada mana-mana hari di antara jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Tertakluk dalam keadaan-keadaan tertentu, mayat-mayat yang disahkan oleh pihak berkuasa hospital boleh dikebumikan pada bila-bila masa.

(2) Pegawai diberi kuasa boleh dalam keadaan tertentu membenarkan pengkebumian dijalankan di luar masa yang ditentukan dalam perenggan (1).

(3) Surat Perakuan Kematian dan Permit Perkuburan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa hospital atau polis hendaklah dikemukakan kepada Perbadanan sebelum sesuatu mayat boleh dikuburkan.

Pengkebumian mayat

6. (1) Tiada seseorang pun boleh mengkebumikan lebih daripada satu mayat di dalam satu petak.

(2) Walau apapun peruntukan perenggan (1) mana-mana pegawai diberi kuasa boleh dalam keadaan-keadaan tertentu memberi pengecualian selepas rujukan dibuat kepada Pegawai Kesihatan atau lain-lain pihak berkuasa bagi maksud menjaga kepentingan awam atau mencegah bahaya kepada kesihatan awam.

Struktur

7. (1) Batu nisan atau struktur boleh diletak atau ditempatkan tetapi hendaklah tertakluk kepada sebarang garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbadanan.

(2) Apa-apa perhiasan boleh secara sementara ditempatkan, diletakkan, digantung atau ditaburkan ke atas mana-mana bahagian kubur selepas pengkebumian, upacara atau ziarah.

(3) Pegawai diberi kuasa boleh menurunkan atau mengubah, mengumpul atau memusnahkan hiasan berkenaan sekiranya berpendapat akan menyebabkan kecederaan, bahaya atau kacauganggu kepada awam.

Daftar

8. (1) Pegawai diberi kuasa hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar dan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) nama, nombor kad pengenalan, tempat tinggal, pekerjaan, umur, jantina, agama dan taraf perkahwinan simati;
- (b) nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang memohon kebenaran bertulis di bawah undang-undang kecil 3;
- (c) nombor rujukan kelulusan bertulis yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 3;
- (d) butiran mengenai orang yang mengeluarkan kelulusan secara bertulis di bawah undang-undang kecil 3;
- (e) tarikh kematian dan tarikh pengkebumian;

(f) sebab-sebab kematian simati;

(g) nombor siri petak di mana simati dikebumikan.

(2) Pegawai diberi kuasa boleh membenarkan orang ramai memeriksa daftar itu dan membuat salinan-salinannya atau cabutan darinya dengan bayaran fi sebanyak RM5.00 bagi setiap satu salinan.

BAHAGIAN III

PELBAGAI

Kuasa melantik penggali-penggali kubur

9. Perbadanan hendaklah menyimpan dan menyenggarakan tanah perkuburan ini dalam keadaan baik dan boleh melantik penggali-penggali kubur dan lain-lain kakitangan yang diperlukan untuk penjagaan dan penggunaan tanah perkuburan dan membayar gaji dan elaun mereka sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

Pembawaan mayat-mayat ke tanah perkuburan

10. Pegawai diberi kuasa boleh membuat perkiraan seperti yang difikirkan patut bagi menyenangkan pembawaan mayat-mayat dari tempat kematian tanah perkuburan.

Fi

11. (1) Fi bagi setiap pengkebumian (termasuk kos bagi menggali dan menutup semula kubur) ialah sebanyak RM100 untuk orang dewasa serta RM50 untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun mesti dibayar kepada dan dikutip oleh pegawai diberi kuasa.

(2) Pegawai diberi kuasa boleh, setelah berpuashati bahawa simati tidak meninggalkan apa-apa harta atau keluarga atau kawan yang mempunyai kemampuan untuk membayar fi tersebut, mengecualikan keseluruhan atau sebahagian daripada fi tersebut.

Penalti

12. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan

tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Dibuat oleh Perbadanan Putrajaya dalam mesyuaratnya pada 26 Ogos 1999.

TAN SRI DATUK SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
Presiden,
Perbadanan Putrajaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 10 Januari 2001.

[PPj/Undang (A) 4-20; P.U. Sel. Am 0160/3/5]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
MUSLIM CEMETERY (PERBADANAN PUTRAJAYA)
BY-LAWS 2001

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-laws

1. Citation and application
2. Interpretation

PART II

CEMETERY

3. No burial without permission
4. Use of cemetery
5. Hours for burial
6. Burial of corpse
7. Structure
8. Register

PART III

MISCELLANEOUS

9. Power to appoint grave diggers, etc.
10. Conveyance of corpse to cemetery
11. Fees
12. Penalty

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MUSLIM CEMETERY (PERBADANAN PUTRAJAYA) BY-LAWS 2001

IN exercise of the powers conferred by section 98 of the Local Government Act 1976 [Act 171], Perbadanan Putrajaya makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Muslim Cemetery (Perbadanan Putrajaya) By-Laws 2001**.

(2) These by-laws shall apply only to Kawasan Perbadanan Putrajaya.

Interpretation

2. In these by-laws unless the context otherwise requires—

“authorised officer” means any officer authorised by the Perbadanan;

“burial” means burial of a Muslim corpse;

“cemetery” means the burial grounds provided for the Muslims in Kawasan Perbadanan Putrajaya pursuant to subsection 94(1) of the Local Government Act 1976;

“decoration” means shrub, wreath or flower which is planted, hanged, scattered or placed on the graveyard;

“Health Officer” means the Health Officer of Perbadanan and includes an Assistant Health Officer;

“Kawasan Perbadanan Putrajaya” means the area as described in section 10 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536];

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995;

“structure” means any material used to enclose the graveyard.

PART II

CEMETERY

No burial without permission

3. (1) No person shall bury any corpse at a cemetery without the prior written approval of the Perbadanan.

(2) Application for the aforesaid written approval shall be made in such form as determined by the Perbadanan in that behalf by—

- (a) next-of-kin of the deceased person;
- (b) a person who is authorised in writing to make the application by next-of-kin of the deceased person;
- (c) the legal personal representative;
- (d) any close relative of the deceased person; or
- (e) any person who has obtained a burial permit from the police or hospital authorities.

Use of cemetery

4. (1) The cemetery shall be only for the purpose of burial and shall be divided into plots for graves.

(2) Such plots shall be numbered consecutively and marked on a plan which shall be kept in the office of the Perbadanan.

(3) The grave for adult and children shall be separated.

(4) There shall be no reservations or selections of plots for burial.

(5) The size of plot for adult shall be 2.75 metres in length and 1.5 metres in width and the size of plot for children shall be 2.00 metres in length and 1.2 metres in width.

(6) All graves shall be dug to a depth of not less than 1.8 metres below the surface of the ground.

Hours for burial

5. (1) The cemetery may be used for the purpose of burial at any day between 9.00 am and 6.00 pm. Provided that in exceptional circumstances, any corpse which is certified by the hospital authorities can be buried at any time.

(2) The authorised officer may in any particular case permit the burial to be carried out outside the time specified in paragraph (1).

(3) A Death Certificate and Burial Permit issued by the hospital or police shall be submitted to Perbadanan before any corpse can be buried.

Burial of corpse

6. (1) No person shall bury more than one corpse in one plot.

(2) Notwithstanding to paragraph (1) any authorised officer may in special circumstances make an exemption after reference being made to the Health Officer or other authorities for the purpose of public interest or preventing danger to the public health.

Structure

7. (1) Gravestone or structure may be erected or placed but shall be subject to any guidelines issued by the Perbadanan.

(2) Any decoration may temporarily be placed, erected, hung, or leaned on any part of the grave after the burial, rites or visit.

(3) The authorised officer may take down or remove, collect and dispose of the decoration if it is likely to be injurious or dangerous or cause nuisance to public.

Register

8. (1) The authorised officer shall keep or cause to be kept a register in which shall be entered—

- (a) the name, identity card number, the residence, occupation, age, sex, religion and marital status of the deceased person;
- (b) the name, identity card number and address of the person who applied for written approval under by-law 3;
- (c) the reference number of the written approval issued under by-law 3;
- (d) details of the person who issued such written approval under by-law 3;
- (e) the date of the death and burial;

- (f) the cause of death of the deceased person;
- (g) the serial number of the plot wherein such deceased person is buried.

(2) The authorised officer may allow any member of the public to examine the register and make copies or extracts thereof by paying a fee of RM5.00 for each copy.

PART III

MISCELLANEOUS

Power to appoint grave diggers

9. The Perbadanan shall keep and maintain the cemetery in good order and condition and may appoint grave diggers and other servants necessary for the care and use of the cemetery and may pay them such wages and allowances as the Perbadanan thinks fit.

Conveyance of corpse to cemetery

10. The authorised officer may make such arrangements as he may think fit for facilitating the conveyance of corpse from the place of death to the cemetery.

Fees

11. (1) Fees for every burial (including cost for digging and covering the grave) is RM100 for adults and RM50 for children below the age of 12 must be paid to and be collected by the authorised officer.

(2) The authorised officer may on being satisfied that the deceased has left no estate nor any relative or friends or sufficient means to pay the aforesaid fees exempt wholly or in part the aforesaid fees.

Penalty

12. Any person who contravenes any of the provision of these by-laws shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or both such fine and imprisonment and in the case of a continuing

offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

Made by the Perbadanan Putrajaya in its meeting on the 26 August 1999.

TAN SRI DATUK SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
President,
Perbadanan Putrajaya

Confirmed by the State Authority in its meeting on 10 January 2001.
[PPj/Undang (A) 4-20; P.U. Sel. Am 0160/3/5]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
Secretary
State Executive Council
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA